## Istighfar

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ
أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ
أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ

Aku memohon keampunan-Mu ya Allah,
Aku memohon keampunan-Mu ya Allah,
Aku memohon keampunan-Mu ya Allah.

## Zikir Salam

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ، وَمِنْكَ السَّلاَمُ،
تَبَارَكْتَ، يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ

"Ya Allah, Engkaulah As-Salam yang sejahtera daripada segala aib, dan daripada-Mu keselamatan, Maha berkat Engkau, Tuhan yang memiliki keagungan dan kemuliaan."

[Sahih Muslim (592)]

## Tahlil

لاَ إِلَـهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya segala kekuasaan dan segala pujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu, Dia Yang Menghidupkan dan Mematikan dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Ya Allah, tiada yang dapat menghalang sesuatu yang telah Engkau berikan dan tiada yang mampu memberi sesuatu yang telah Engkau halangi, serta tidak bermanfaat orang yang mempunyai kelebihan (harta, keturunan, kekuasaan) dengan kelebihannya itu daripada kekuasaan Engkau."

لَا إِلَـهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ. لَا إِلَـهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ، لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الثَّنَاءُ الْحَسَنُ. لَا إِلَـهَ إِلَّا اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّيْنَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَـٰفِرُونَ

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya segala kekuasaan dan bagi-Nya segala pujian dan Dia berkuasa di atas setiap sesuatu, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Tiada daya dan upaya kecuali dengan pertolongan Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan kami tidak menyembah kecuali kepada-Nya. Milik-Nya segala nikmat, bagi-Nya segala kelebihan dan bagi-Nya pujian yang elok. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, kami mengikhlaskan ibadah hanya kepadaNya walaupun dibenci oleh orang-orang kafir."

[Riwayat Muslim (1/415)]

سُبْحَانَ اللّٰهِ
"Maha Suci Allah" *(33 kali)*

وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ
"Segala puji bagi Allah" *(33 kali)*

وَاللّٰهُ أَكْبَرُ
"Allah Maha Besar" *(33 kali)*

لَا إِلَـهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagi-nya, bagi-Nya kekuasaan dan pujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu."

***Kelebihan**: Sesiapa yang membaca zikir ini setiap kali selepas solat, maka dosanya akan diampunkan walaupun sebanyak buih di lautan.*

*[Riwayat Muslim (1/418)]*

## Surat al-Ikhlas, al-Falaq dan an-Naas

**Selepas Solat Maghrib dan Subuh dibaca 3 kali, manakala Selepas Solat Zohor, Asar dan Isyak dibaca 1 kali**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
قُلْ هُوَ اللّٰهُ أَحَدٌ۝ اللّٰهُ الصَّمَدُ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ۝ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ۝

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa (1). Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat (2). Ia tiada beranak, dan la pula tidak diperanakkan (3). Dan tidak ada sesiapa pun yang serupa denganNya (4)."

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ۝ مِن شَرِّ مَا خَلَقَ۝ وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ۝ وَمِن شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ۝ وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ۝

"Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa (1). Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat (2). Ia tiada beranak, dan la pula tidak diperanakkan (3). Dan tidak ada sesiapa pun yang serupa denganNya (4)."

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ۝ مَلِكِ النَّاسِ۝ إِلَـٰهِ النَّاسِ۝ مِن شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ۝ الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ۝ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ۝

"Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada (Allah) Pemulihara sekalian manusia (1) Yang Menguasai sekalian manusia (2) Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia (3) Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam (4) Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia (5) (laitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia (6)"

***Kelebihan**: Sesiapa yang membaca tiga surah ini sebanyak tiga kali pada waktu pagi dan tiga kali pada waktu petang, maka bacaan itu akan mencukupinya sebagai pelindung daripada segala bahaya.*

*[Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud (4/322) dan at-Tirmizi (5/567). Sahih at-Tirmizi (3/182) mengesahkan bahawa hadis ini adalah sahih.]*